

Kek Cinta Dungun - Pakar Kek Eksklusif Anda

Nur Sha'adah Zainuddin^{1*}, Nur Syamimi Zainudin¹, Wan Noni Afida Ab Manan¹, Sha-hida Hanum Kamarullah

¹FACULTY OF APPLIED SCIENCE, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN PAHANG, KAMPUS JENGKA, PAHANG MALAYSIA

*Email Penulis: nsz@uitm.edu.my

K

ek Cinta Dungun adalah industri pembuatan kek yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Kepek bagean suntikan kreativiti dekorasi kek telah dihasilkan, antaranya ialah jenis kek 3D dan yang terbaru ialah kek 5 tingkat untuk majlis perkahwinan dengan harga jualan berpatutan. Pengusaha Kek Cinta Dungun, Norhasmieza binti Mahmood memulakan perniagaan pada Jun 2014 secara kecil-kecilan ekoran kekangan modal. Pada awal perniagaan, beliau menerima tempahan daripada sahabat, pelanggan berdekatan dan malah memasarkan dalam bentuk bungkusan mini di pasar malam Dungun. Beliau mengembangkan perniagaan dengan membuka kedai bersebelahan rumahnya. Hasil daripada bantuan Usahawan RISDA Terengganu, perusahaan beliau semakin berkembang dengan penambahan ruang pemprosesan yang lebih besar, peralatan yang lebih canggih dan penambahan bilangan pekerja.



S

eterusnya, beliau membuka cawangan baru berdekatan Mesra Mall Kemasik pada pertengahan tahun 2019, hasil daripada prinsip beliau yang sentiasa berpegang kepada moto iaitu 'memastikan hasil produk sentiasa memenuhi permintaan dan citarasa pelanggan'. Misi beliau adalah mewujudkan kedai kek yang menawarkan pelbagai pilihan citarasa kek, rekabentuk terkini dan 'readymade' setiap hari. Matlamat beliau ialah membuka kilang pemprosesan kek yang besar serta dilengkapi dengan peralatan canggih. Dengan adanya pekerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang pastri membolehkan perniagaan beliau mengikuti perubahan modenisasi pastri dengan mencipta produk baru yang viral.

S

epanjang menceburi bidang perniagaan, beliau banyak mempraktikkan strategi pemasaran secara berkala dan musim viral dengan mempromosikan produk kek secara 'readymade' dan pembungkusan mini melalui media sosial iaitu Facebook (Page: Kedai Kek Cinta Dungun HQ dan KEK CINTA Dungun Cawangan Kerteh), Instagram (Page: Kedai Kek Cinta Dungun HQ dan KEK CINTA Dungun Cawangan Kerteh), Tiktok, poster dan flyers. Berbekalkan ilmu pengetahuan dalam bidang ekonomi dan perakaunan dari Politeknik Kota Bharu banyak membantu beliau dalam mengendalikan perniagaan yang memerlukan modal dan kos operasi yang

Seterusnya, beliau membuka cawangan baru berdekatan Mesra Mall Kemasik pada pertengahan tahun 2019, hasil daripada prinsip beliau yang sentiasa berpegang kepada moto iaitu 'memastikan hasil produk sentiasa memenuhi permintaan dan citarasa pelanggan'

Sambungan ms 9

Setelah 6 tahun berkecimpung dalam perniagaan ini, beliau amat berbangga dengan wujudnya satu pasukan pekerja yang pakar dan tangkas dalam menghasilkan kek yang kreatif dan moden seiring dengan perubahan semasa dan kehendak pelanggan tanpa terlalu memerlukan campur tangan pengusaha atau pengasas iaitu beliau sendiri

tinggi. Setelah 6 tahun berkecimpung dalam perniagaan ini, beliau amat berbangga dengan wujudnya satu pasukan pekerja yang pakar dan tangkas dalam menghasilkan kek yang kreatif dan moden seiring dengan perubahan semasa dan kehendak pelanggan tanpa terlalu memerlukan campur tangan pengusaha atau pengasas iaitu beliau sendiri. Justeru, keadaan ini telah sedikit sebanyak memberi beliau ruang untuk fokus kepada urusan keluarga tercinta.

Antara sumbangan beliau adalah;



Akhir sekali, harapan dan nasihat beliau kepada usahawan diluar sana sama ada yang sudah lama berkecimpung atau yang baru berjinak dalam perniagaan haruslah sentiasa berpegang kepada:

